

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci :-

- (a) jumlah pelaburan Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC di luar negara sejak tahun 2013 - 2018 berdasarkan negara; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memantau pelaburan ini agar tiada sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, statistik pelaburan Kerajaan

melalui GLC (tertakluk kepada 17 buah syarikat GLC terpilih atau dikenali sebagai G20) di luar negara adalah seperti berikut:

|  | <b>2013</b>     | <b>2014</b>     | <b>2015</b>     | <b>2016</b>     | <b>2017</b>     |
|--|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|-----------------|
| Pelaburan luar negara G20<br>(RM juta) | 15,034.6        | 18,946.3        | 18,119.9        | 19,526.6        | 10,790.9        |
| Khazanah Nasional Berhad<br>(RM juta)  | 2,197           | 3,944           | 4,334           | 3,300           | 2,422           |
| Lain-lain Syarikat MKD<br>(RM Juta)    | 34,424          | 30,562          | 36,605          | 17,886          | 10,597          |
| <b>JUMLAH<br/>(RM Juta)</b>            | <b>51,655.6</b> | <b>53,452.3</b> | <b>59,058.9</b> | <b>40,712.6</b> | <b>23,809.9</b> |

Pelaburan luar negara syarikat MKD merangkumi negara-negara seperti Argentina, Australia, Azerbaijan, Amerika Syarikat, China, Kanada, Iraq, India, Jepun, Korea, Brunei, Singapura, Indonesia, Eropah, Timur Tengah, Turki, Filipina dan pelbagai negara lagi. Pelaburan ini adalah dalam pelbagai sektor termasuk sektor minyak dan gas, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, pembangunan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT), pengguna (*consumer*), inovasi, hartanah dan sains hayat.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap pelaburan yang

dilaksanakan oleh syarikat GLC adalah ditentukan oleh entiti tersebut berdasarkan dasar pelaburan syarikat masing-masing. Syarikat G20 merupakan syarikat awam dan mempunyai lembaga pengarah dan pengurusan masing-masing yang meneliti dan memantau setiap pelaburan yang dilaksanakan, termasuk pelaburan di luar negara bagi memastikan prestasi dan pulangan pelaburan tersebut berada pada tahap yang memuaskan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat milik Kerajaan dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) sentiasa menambah baik proses kawalan dalaman dan mengguna pakai amalan tadbir urus terbaik dalam operasinya. Pada masa ini, amalan tadbir urus yang diguna pakai oleh syarikat milik Kerajaan dan GLC adalah setanding dengan amalan terbaik syarikat swasta yang tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan amalan terbaik sebagaimana digariskan oleh *Malaysian Code of Corporate Governance 2016*. Syarikat milik Kerajaan dan GLC juga mempunyai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa di bawahnya seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Risiko yang ditubuhkan untuk mengawasi urus niaga syarikat bagi memastikan tiada penyelewengan atau salah guna kuasa berlaku. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang berkaliber dan benar-benar layak serta pembelajaran secara berterusan dapat

meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan Lembaga Pengarah untuk memacu GLC mencapai sasaran yang ditetapkan oleh GLC masing-masing.

Sebagai sebuah syarikat yang tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, syarikat milik Kerajaan dan GLC memberikan kuasa penuh kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan hala tuju dan perjalanan tadbir urus syarikat. Pada masa yang sama, Kerajaan sebagai pemegang saham juga memantau prestasi syarikat milik Kerajaan dan syarikat GLC berkenaan melalui penilaian prestasi kewangan dan kawalan dalaman secara berkala untuk memastikan tadbir urus yang baik.

Selain itu, sebagai sebuah syarikat milik Kerajaan dan GLC, juga tertakluk kepada pemantauan tambahan yang tidak terpakai kepada syarikat swasta iaitu tertakluk kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia. Sekiranya terdapat isu yang melibatkan integriti, pecah amanah dan salah gunakuasa yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, syarikat milik Kerajaan dan GLC akan dibawa kepada Jawatankuasa Akaun Awam (PAC) di bawah Parlimen Malaysia untuk siasatan lanjut.